



7 September 2015
7 September 2015
P.U. (A) 207

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH IMIGRESEN DAN PASPORT
(ANGGOTA PROJEK PENANDAAN DAN PENGUKURAN
SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA DAN BRUNEI
DARUSSALAM) (PENGECCUALIAN) 2015

*IMMIGRATION AND PASSPORT
(DEMARCATION AND SURVEY OF LAND BOUNDARY
BETWEEN MALAYSIA AND BRUNEI DARUSSALAM
PROJECT MEMBER) (EXEMPTION) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA IMIGRESEN 1959/63 DAN AKTA PASPORT 1966

PERINTAH IMIGRESEN DAN PASPORT (ANGGOTA PROJEK PENANDAAN DAN
PENGUKURAN SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA DAN BRUNEI DARUSSALAM)
(PENGECUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 55 Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*] dan seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Imigresen dan Pasport (Anggota Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Brunei Darussalam) (Pengecualian) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 September 2015 dan hendaklah hanya terpakai bagi Sarawak.

Pengecualian

2. Mana-mana orang yang—

- (a) menjadi anggota Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Brunei Darussalam;
- (b) semasa menjalankan tugasnya sebagai anggota tersebut, memasuki atau meninggalkan Sarawak melalui darat, laut atau udara; dan
- (c) memiliki satu kad pengenalan yang sah yang dikeluarkan, dicap dan ditandatangani oleh kedua-dua Pengarah Bersama dari Malaysia dan Brunei Darussalam bagi Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Brunei Darussalam,

boleh dikecualikan daripada peruntukan seksyen 5, 6 dan 26 Akta Imigresen 1959/63 dan seksyen 2 dan 3 Akta Pasport 1966.

Syarat pengecualian

3. Orang yang dikecualikan di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) hanya boleh menjalankan kerja-kerja berhubung dengan Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Brunei Darussalam di sepanjang garisan sempadan di antara Malaysia dan Brunei Darussalam di daerah Miri, Marudi, Limbang dan Lawas, Sarawak sahaja;
- (b) apabila tiba di sepanjang garisan sempadan yang dinyatakan dalam subperenggan (a), hendaklah tanpa apa-apa kelengahan kecuali disebabkan kesulitan mendapatkan pengangkutan atau kerana menguruskan hal-ehwal mengenai kerja penandaan dan pengukuran, meneruskan perjalanan ke kawasan-kawasan yang hendak ditanda dan diukur di daerah Miri, Marudi, Limbang dan Lawas, Sarawak;
- (c) setelah berada dalam mana-mana daerah seperti dinyatakan dalam subperenggan (a), tidak boleh keluar daripada sempadan daerah berkenaan ke mana-mana daerah lain dalam Sarawak kecuali bagi maksud hendak pergi ke daerah lain di mana kerja penandaan dan pengukuran dijalankan atau bagi maksud berlepas dari Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (d) tidak boleh berada atau tinggal di mana-mana daerah seperti dinyatakan dalam subperenggan (a) lebih lama daripada tempoh yang munasabah yang perlu dengan mengambil kira mengenai adanya pengangkutan dan pengaturan urusan perlepasan itu.

Pemberhentian pengecualian

4. Perintah ini hendaklah terhenti terpakai bagi mana-mana orang yang dinyatakan dalam perenggan 2 sekiranya orang itu-

- (a) terhenti menjadi anggota Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia dan Brunei Darussalam;
- (b) didapati terlibat dengan apa-apa kegiatan jenayah atau telah dituduh di mana-mana mahkamah di Malaysia;
- (c) didapati terlibat dengan apa-apa aktiviti yang berlawanan dengan undang-undang Malaysia; atau
- (d) telah disenaraikan sebagai imigran larangan di bawah subseksyen 8(1) Akta Imigresen 1959/63.

Dibuat 7 September 2015
[KDN(S): 100/384/15 Jld.4; PN(PU2)100/XVI]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Dalam Negeri

IMMIGRATION ACT 1959/63 AND PASSPORTS ACT 1966

IMMIGRATION AND PASSPORT (DEMARCATIION AND SURVEY OF LAND BOUNDARY BETWEEN MALAYSIA AND BRUNEI DARUSSALAM PROJECT MEMBER) (EXEMPTION) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by section 55 of the Immigration Act 1959/63 [Act 155] and section 4 of the Passports Act 1966 [Act 150], the Minister makes the following order:

Name, commencement and application

1. (1) This order may be cited as the **Immigration and Passport (Demarcation and Survey of Land Boundary Between Malaysia and Brunei Darussalam Project Member) (Exemption) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation on 7 September 2015 and shall only apply to Sarawak.

Exemption

2. Any person who is—

- (a) a member of the Demarcation and Survey of Land Boundary between Malaysia and Brunei Darussalam Project;
- (b) in the course of his duty as such member, enters or leaves Sarawak by land, sea or air; and
- (c) in possession of a valid identification card issued, stamped and signed by both Co-Project Director from Malaysia and Brunei Darussalam for the Demarcation and Survey of Land Boundary between Malaysia and Brunei Darussalam Project,

may be exempted from the provisions of sections 5, 6 and 26 of the Immigration Act 1959/63 and sections 2 and 3 of the Passports Act 1966.

Conditions of exemption

3. A person who is exempted under paragraph 2 is subject to the following conditions:

- (a)* shall carry all works related to the Demarcation and Survey of Land Boundary between Malaysia and Brunei Darussalam Project along the boundary line between Malaysia and Brunei Darussalam in the districts of Miri, Marudi, Limbang and Lawas, Sarawak only;
- (b)* shall on arrival along the boundary line stated in subparagraph *(a)*, without any delay except such as may be caused by transportation difficulties or the making of arrangements for the demarcation and survey works, proceed to the areas to be demarcated and surveyed in the districts of Miri, Marudi, Limbang and Lawas, Sarawak;
- (c)* once inside any of those districts as stated in subparagraph *(a)*, shall not proceed beyond the boundaries of such districts to any other districts in Sarawak except for the purpose of proceeding to other districts where the demarcation and survey works is to be conducted or for the purpose of departure from Sarawak, as the case may be; and
- (d)* shall not stay or remain in any of those districts as stated in subparagraph *(a)* longer than the reasonable time after taking into consideration the availability of transport and arrangements for effecting the departure.

Cessation of exemption

4. This exemption shall cease to apply to any person stated in paragraph 2 if that person-

- (a)* has ceased to be a member of the Demarcation and Survey of Land Boundary between Malaysia and Brunei Darussalam Project;

- (b) was found to be involved in any criminal activities or has been charged in any court in Malaysia;
- (c) was found to be involved in any activity contrary to Malaysian law; or
- (d) has been listed as prohibited immigrant under subsection 8(1) of the Immigration Act 1959/63 [Act 155].

Made 7 September 2015

[KDN(S): 100/384/15 Jld.4; PN(PU2)100/XVI]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Minister of Home Affairs